



2023

UiTM MUKAH BULLETIN

Inou Dengah UiTM Mukah?



<https://sarawak.uitm.edu.my/index.php/uitm-mukah-bulletin>

HIGHLIGHTS:

Iftar Perdana Bersama TYT Sempena
Sambutan Jubli Emas UiTM Cawangan Sarawak
Terima Kasih Mantan Penolong Rektor dan
Selamat Datang Penolong Rektor Baharu
Sukan Muhibah Staf 2023 UiTM Cawangan Sarawak
Rekod Kayuhan Sempena Sambutan Jubli Emas UiTM Cawangan Sarawak

TABLE OF CONTENT

From Rector's Desk	01
From Assistant Rector's Desk	02
Editors' Note	03
Editorial Board	04
Highlights	05
News and Articles	09
Creative Writing	64
Congratulations!	66
Press and Media Coverage	81

EDITORIAL BOARD

Professor Dato Dr. Hj. Jamil Hj. Jamali

Advisor

Associate Professor Dr. Abdul Razak Abdul Kadir

Managing Editor

En Mohamad Musa Bin Bohari

Chief Editor

En Yahutazi Bin Chik

Deputy Chief Editor

Editors :

Cik Siti Faridah Binti Kamaruddin

Pn Suffina Binti Long

Pn Nur Nadia Qausar Binti Juhari

Cik Stefanie Natasha Rich Joseph

En Shileyusken Mijen

Webmaster

Pn Irene Binti Seluroh

Layout & Design

En Mohamd Shafik Bin Mohd Samsi

Corporate and Communication Unit

Published By

Corporate and Communication Unit, UiTM Mukah

eISSN : 2976-257X

Published Date : 16 November 2023

TYT, isteri menghadiri Iftar Perdana di UiTM Mukah

MUKAH: Yang di-Pertua Negeri Tun Pehin Sri Abdul Taib Mahmud dan isteri, Toh Puan Datuk Patinggi Ragad Kurdi Taib menghadiri Majlis Iftar Perdana di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Mukah di sini kelmarin.

Majlis yang berlangsung di pekarangan Surau Ibnu Khaldun kampus tersebut bermula jam 7.30 petang itu adalah sempena sambutan Ulang Tahun Ke-50 Jubli Emas UiTM Cawangan Sarawak.

Ia juga diadakan sekali gus pada bulan Ramadan dan merupakan program mengimarahkan Surau Ibnu Khaldun.

Antara aktiviti diadakan adalah penyerahan sumbangan, zakat kepada golongan pelajar dan masyarakat sekitar

Mukah

Astana Negeri juga memberi sumbangan kepada 50 asnaf dari sekitar Mukah, Balingian, Dalat, Igan dan Oya dengan jumlah RM12,500.

Manakala sumbangan kepada seramai 50 pelajar UiTM Cawangan Sarawak berjumlah RM10,000.

Majlis turut menyaksikan sumbangan cek daripada Majlis Islam Sarawak (MIS) kepada wakil-wakil masjid dan surau sekitar bahagian Mukah dengan jumlah RM158,000.

Sementara itu, sumbangan untuk masjid dan surau sekitar Mukah dan Balingian daripada Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Setia Raja Mukah turut disampaikan dengan jumlah keseluruhan RM85,000.

Majlis itu anjuran bersama Astana Negeri, Pejabat Residen Bahagian Mukah, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Penerangan, Jabatan Kerja Raya serta Jabatan Pertanian.


Dianggarkan seramai 450 tetamu menghadiri majlis tersebut.

Hadir sama Rektor UiTM Cawangan Sarawak Profesor Datuk Dr Jamil Hamali serta isterinya Datin Marilyn Edna Pereau, Timbalan Menteri di Jabatan Premier Sarawak (Hal Ehwal Korporat, Penerangan dan UKAS) Datuk Abdullah Saidol, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tellian Royston Valentine, Residen Bahagian Mukah Kueh Lei Poh serta kenamaan lain.



SUMBANGAN: Tun Taib (tiga kanan) menyampaikan replika cek kepada wakil penerima sumbangan pada majlis tersebut di Mukah kelmarin.

PRESS & MEDIA COVERAGE



Puan Datuk Patinggi Raghad Kurdi Taib pada Majlis Iftar Perdana sempena Sambutan Jubli Perak UiTM Cawangan Sarawak di sini pada malam Isnin.

Pada majlis yang diadakan di UiTM Kampus Mukah, sumbangan berjumlah RM12,500 itu dari Mukah, Balingian, Dalat, Igan dan Oya, manakala sumbangan berjumlah RM10,000 dari Cawangan Sarawak.

Selain itu, sumbangan cek daripada pihak Majlis Islam Sarawak kepada wakil masjid dari Mukah berjumlah RM158,000, manakala sumbangan daripada Lembaga Amanah Kebajikan Sarawak pula kepada wakil masjid dan surau di sekitar Mukah dan Balingian berjumlah RM85,000.

Hadir sama pada majlis itu, Timbalan Menteri di Pejabat Premier Sarawak (Hal Ehwal Komunikasi Awam Sarawak) Datuk Abdullah Saidol, Ahli Dewan Undangan Negeri Teliar, Rektor UiTM Sarawak Profesor Dato Dr Jamil Hamali. – TVS

Tags: [asnaf](#), [ASTANA](#), [sumbangan](#), [Toh Puan Datuk Patinggi Raghad Kurdi Taib](#), [tun pehin sri abdul taib mahmud](#)

<https://tvstv.my/2023/04/18/asnaf-dan-pelajar-uitm-terima-sumbangan-kewangan-daripada-astana-sarawak>

Pusat kecemerlangan pelbagai bidang

| NUR FARIHAN RAZALI
suarasarawak.news@gmail.com

MUKAH: Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Mukah berpotensi dijadikan sebagai pusat kecemerlangan pelbagai bidang melibatkan aktiviti ekonomi Sarawak.

Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti UiTM Profesor Datuk Dr Raduan Che Rose berkata, ia melibatkan penyelidikan sagu, produk berkaitan sagu serta bidang lain berkenaan dengan makanan halal dan sebagainya.

"Dengan adanya program tersebut, kita jadikan sebagai satu platform cadangan bagi mendapatkan penglibatan ahli akademik daripada seluruh negara ASEAN dan negara lain seperti Jepun, Korea serta Eropah untuk datang ke sini.

"Kita akan menghubungkan pihak luar dengan institut ini bagi membuat penyelidikan.

"Ini merupakan satu pendekatan yang perlu dilakukan supaya prasarana yang sedia ada dapat digunakan sepenuhnya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui media selepas Sesi Libat Urus dan Lawatan Kampus Mukah, di UiTM Mukah, di sini, kelmarin.

Menurutnya, ia juga merupakan satu langkah bagi menarik lebih ramai pelajar melanjutkan pelajaran di sini.

"Bagi UiTM Kampus



LAWAT... Raduan (empat kiri) semasa melawat Pusat Pemprosesan Tebaloi.

Mukah, kita merancang untuk mendapatkan kapasiti pelajar dalam jumlah lebih 2,000 orang.

"Berikutan itu, saya percaya, dengan adanya pengenalan program baharu yang kita bawa masuk tetapi bukan secara kekal, kita dapat mendapat mencapai jumlah pelajar tersebut," katanya.

Sehubungan itu, beliau berkata, pembangunan fizikal UiTM Kampus Mukah tidak perlu ditambah kerana prasarana sedia ada mencukupi.

"Malah, ia lebih baik daripada tempat lain kerana laporan pembangunan di sini menelan kos berjumlah besar iaitu sebanyak RM300 juta untuk membuat kemudahan pembelajaran di sini.

"Keutamaan kita adalah untuk memikirkan bagaimana kampus Mukah digunakan secara optimum dari segi program pengajian yang boleh menarik pelajar dan tenaga pengajar mencukupi setiap masa.

"Saya percaya UiTM Cawangan Sarawak dari Samarahan mempunyai perancangan strategik, tidak membiarkan UiTM Kampus Mukah dan membantu dari pelbagai aspek," ujarnya.

Pada masa sama, beliau memuji keindahan UiTM Kampus Mukah kerana suasana damai dan berpeluang melihat matahari terbenam seolah-olah berada di tempat peranginan.

Beliau berharap UiTM Kampus Mukah diberi perhatian sepenuhnya daripada Kampus Samarahan serta Shah Alam bagi membantu dalam aspek pembangunan.

Terdahulu, beliau mengadakan lawatan ke Pusat Pemprosesan Tebaloi serta Koperasi Desa Lestari Telian Tengah dan Ulu Mukah Berhad (KODELT).

Rektor UiTM Cawangan Sarawak Datuk Dr Jamil Hamali, Timbalan Rektor UiTM Cawangan Sarawak Profesor Dr Saimi Bujang dan Penolong Rektor UiTM Kampus Mukah Profesor Dr. Abdul Razak Abdul Kadir turut hadir.

BY NUR FARIHAN RAZALI

MUKAH: Universiti Teknologi Mara (UiTM) Mukah Campus has the potential to be a centre of excellence for various economic activities in Sarawak. UiTM Chairman Professor Datuk Dr Raduan Che Rose said this involves research on sago, sago-related products and other areas related to halal food and so on.

"With the existence of these programmes, we can make it a platform to get the involvement of academics from all Asean countries and other countries such as Japan, Korea and Europe to come here.

"We will connect external parties with this institute to conduct research.

"This is an approach that needs to be done so that the existing infrastructure can be fully used," he said after a Business Engagement Session and Mukah Campus Tour, here, on Monday.

Commenting further, he said, this is also a step to attract more students to continue their studies here.

"For UiTM Kampus Mukah, we plan to get a student capacity of more than 2,000 people.

UiTM Mukah a potential centre of excellence



RADUAN (fourth right) visits UiTM Mukah Campus.

"Following that, I believe, with the introduction of new programmes that we bring in but not permanently, we will be able to reach the number," he said. In this regard, he said the

physical development of the campus need not be expanded because the existing infrastructure is sufficient.

"In fact, it is better than other places because the development

here cost a huge sum of RM300 million.

"Our priority is to think about how the Mukah campus is used

optimally in terms of study programmes that can attract sufficient students and teaching staff at all times.

"I believe UiTM's Sarawak branch from Samarahan also has a strategic plan," he added.

He therefore hoped UiTM Mukah Campus would be given full attention by the Samarahan and Shah Alam campuses.

Earlier, he visited the Tebaloi Processing Centre as well as the Talian Tengah Sustainable Rural Cooperative and Ulu Mukah Berhad (KODELT).

Also present were Rector of UiTM Sarawak Branch Datuk Dr Jamil Hamali, Deputy Rector of UiTM Sarawak Branch Professor Dr Saimi Bujang and Assistant Rector UiTM Mukah Campus Professor Dr. Abdul Razak Abdul Kadir.



RADUAN (four left) visits the Tebaloi Processing Centre.



RADUAN (second right) receives souvenir from Jamil.



ABDUL Razak menunjukkan demonstrasi penyembelihan ayam kepada peserta.

70 sertai program penyembelihan ayam

| NUR FARIHAN RAZALI
suarasarawak.news@gmail.com

MUKAH: Bengkel Asas Penyembelihan Ayam dan Jualan Amal telah diadakan di Pusat Akuakultur dan Agrotek, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Mukah di sini.

Ia merupakan program komuniti yang dianjurkan oleh Pusat Pengajian Sains, Perladangan dan Agroteknologi dengan kerjasama Jawatankuasa Surau Ibnu Khaldun UiTM Mukah.

Menurut Ketua Program Muhammad Nasarudin Sulaiman, program ini adalah untuk memberi pendedahan kepada peserta program.

"Peserta akan didedahkan secara teori dan praktikal berkaitan teknik penyembelihan ayam dengan betul dan sah menurut hukum syarak," katanya.

Manakala, Penasihat Program

Muhamad Syukrie Abu Talip berkata, program ini memberi ruang dan peluang kepada komuniti setempat agar turut serta dalam program yang dianjurkan.

"Di samping itu, menggalakkan peserta untuk beramal kerana sebahagian daripada yuran peserta disalurkan ke dalam tabung sedekah Surau Ibnu Khaldun.

"Bukan itu sahaja, mereka turut diberi seekor ayam yang telah siap disembelih dan diproses secara percuma," ujarnya.

Program ini telah disempurnakan oleh Penolong Rektor UiTM Mukah, Profesor Madya Dr. Abdul Razak Abdul Kadir dan beliau turut memberi khidmat sebagai tenaga pengajar bagi memberi penerangan.

Ini merangkumi kaedah penyembelihan yang betul, jenis-

jenis peralatan digunakan dan haiwan yang boleh disembelih.

Sehubungan itu, seramai 70 peserta menyertai program ini terdiri daripada pelajar, staf dan komuniti kawasan Mukah. Mereka didedahkan dengan demonstrasi penyembelihan oleh Abdul Razak dan Pegawai Kanan Unit Hal Ehwal Islam (UHEI) UiTM Mukah Ahmad Tirmizi.

Justeru, diharapkan peserta dapat mempelajari dan mengambil banyak input yang berguna agar dapat dipraktikkan pada masa akan datang serta melahirkan warga UiTM serta komuniti sekitar Mukah yang memiliki ilmu dalam amalan masyarakat Islam.

Turut serta, pensyarah dan staf Fakulti Perladangan dan Agroteknologi, Fakulti Sains Gunaan dan Unit Ladang, Pusat Pengajian Sains, Perladangan dan Agroteknologi, UiTM Mukah.



MENIMBA ILMU... Peserta kursus bergambar bersama fasilitator dan pihak penganjur pada penghujaung program di Mukah, baru-baru ini.

UiTM Mukah komited kongsi ilmu

MUKAH: Fakulti Pengurusan dan Pemiagaan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Sarawak Kampus Mukah (UiTM Mukah) menganjurkan Kursus Pembangunan Produk Ekopelancongan dan Mobile Apps (ProPPEMA) di sini pada hujung minggu lalu di sebuah hotel di Mukah.

Menurut Ketua Pusat Pengajian Fakulti Pengurusan dan Pemiagaan, Carolin Anne Enchas, penganjur kursus pada kali ini merupakan kesinambungan daripada siri kursus yang pernah dianjurkan.

"Ia adalah kesinambungan daripada kursus serta bimbingan yang disediakan khusus untuk kumpulan sasaran dalam kalangan usahawan desa di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Talian.

Dalam siri kursus yang diadakan mulai 19 hingga 20 Mei lalu, perkongsian serta pemindahan ilmu secara dua hala daripada pihak

UiTM Cawangan Sarawak diharapkan mampu membantu usahawan tempatan berkaitan ilmu asas pembangunan produk dan penggunaan aplikasi mudah alih Gooiino," tambah beliau.

Peserta kursus yang terdiri daripada usahawan-usahawan desa berkenaan diberi pendedahan serta bimbingan khusus berkaitan platform pemiagaan digital, di samping pembangunan produk ekopelancongan.

Program yang dijalankan selama dua hari itu menampilkan para penceramah jemputan dari UiTM Cawangan Sarawak Kampus Kota Samarahan, iaitu Dr. Azlina Bujang dan Dr. Abdul Jabbar Abdullah.

Selain itu, penganjur juga mengetengahkan para penceramah tempatan yang terdiri daripada Pengiran Saifudzin Pengiran Mahtar dari UiTM Mukah, Ahmad Faridzam Tokijan (Politeknik Mukah) serta wakil-wakil industri, Hasaward

Hazmi (Craun Research Sdn Bhd.), Muhammad Aizat Ajijie (Suzie Cakoi) dan Jetzson Jacob Lema Nawis (Mee Sagu KODELT).

Pihak penganjur berharap program sedemikian dapat membantu komuniti secara umum dan komuniti usahawan desa secara khususnya.

Justeru, peserta-peserta kursus disarankan untuk mempraktikkan ilmu serta bimbingan yang diperolehi sepanjang siri kursus tersebut.

"Terdapat dua lagi siri kursus yang akan berlangsung dalam tempoh terdekat bagi melengkapkan keseluruhan pelan pelaksanaan yang telah dirangka oleh UiTM, khusus untuk komuniti usahawan desa Kawasan DUN Talian. Ini selaras dengan hasrat UiTM untuk memperluaskan jalinan kerjasama dengan komuniti setempat," kata jurucakap bersama Mohamad Musa Bohari dan Siti Fandah Kamaruddin.

PRESS & MEDIA COVERAGE



PROGRAM BICARA ILMU "KEUSAHAWANAN BELIA, TUNJANG MASA DEPAN KOPERASI, PEMANGKIN EKONOMI NEGARA"

📅 13/07/2023 👤 Elzanie Nashazanie Jaafar Unit Komunikasi Korporat UiTM Cawangan Sarawak

MUKAH, 13 Julai 2023 – Yang Berhormat Encik Abdul Yakub Bin Hj Arbi, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) N58 Balingian hari ini telah [...]



PROGRAM KOMUNITI: BENGKEL ASAS PENYEMBELIHAN AYAM DAN JUALAN AMAL

📅 20/06/2023 👤 Nasarudin Sulaiman

MUKAH, 11 Mei 2023 – Pusat Pengajian Sains, Perlindungan dan Agroteknologi dengan kerjasama Jawatankuasa Surau Ibnu Khaldun (UiTM) Kampus Mukah telah menganjurkan Program [...]



UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah menerima jemputan menyertai Program Sehati Sejiwa Serlah Potensi (PROSSEP) SMK Three Rivers, Mukah

📅 27/02/2023 👤 NUR NADIA QAUSAR BINTI JUHARI, ARIF AZIZI BIN CHE HARUN

MUKAH: UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah telah menerima jemputan bagi menyertai program yang julung kali diadakan oleh sekolah tersebut pada 13 hingga 14 [...]



5 Kontinjen Bakal Berentap di Kejohanan Sukan Muhibah Staf UiTM Cawangan Sarawak

📅 17/08/2023 👤 Aima Sumiyati Binti Maliki, UiTM Cawangan Sarawak

Kelab Kakitangan UiTM Sarawak (KEKiTA) dengan kerjasama Unit Sukan dan Kampus Mukah bakal mengadakan Kejohanan Sukan Muhibah Staf UiTM Cawangan Sarawak pada 26 [...]